



## MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK

---

### GARIS PANDUAN PENGURUSAN PUNGUTAN DERMA KHAIRAT

---

#### 1.0 PENDAHULUAN

Garis panduan ini bertujuan menjelaskan, menyelaraskan serta mengawal selia semua permohonan dan aktiviti pungutan derma khairat agar sejajar dengan Hukum Syarak dan peraturan undang-undang yang berkuat kuasa. Garis panduan ini juga menyediakan tatacara kerja bagi permohonan, kebenaran, pungutan, penyambungan, pembatalan dan pengurusan lebih pungutan.

#### 2.0 TAKRIFAN

Dalam garis panduan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain –

“Baitulmal” ertinya kumpulan wang yang ditubuhkan di bawah seksyen 70 Enakmen;

“Enakmen” ertinya Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004;

“MAIPK” ertinya Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak;

“orang” ertinya kumpulan orang sama ada diperbadankan atau tidak diperbadankan;

“khairat” ertinya kebajikan di mana ia turut merangkumi derma, sedekah dan sebagainya. Sedekah atau derma ialah sumbangan ikhlas daripada mana-mana pihak kepada satu atau lebih pihak yang lain;

“pungutan khairat” ertinya pungutan wang atau sumbangan-sumbangan lain bagi apa-apa maksud khairat bagi menyokong dan memajukan agama Islam atau bagi manfaat orang-orang Islam mengikut Hukum syarak termasuklah;

“surat kebenaran” ertinya surat kebenaran pungutan derma khairat yang dikeluarkan pentadbiran MAIPK;

“pemohon” ertinya mana-mana individu, kumpulan, pertubuhan atau institusi yang ingin memohon kebenaran untuk menjalankan pungutan derma khairat; dan

“Kebenaran Bertulis” ertinya surat atau sijil kelulusan rasmi yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Agama Negeri yang membenarkan pungutan derma dilakukan dalam tempoh dan skop tertentu.

### 3.0 SINGKATAN

Singkatan	Maksud
MAIPk	Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak
JAIPk	Jabatan Agama Islam Perak
NGO	Non-Governmental Organization (Pertubuhan Bukan Kerajaan)
KDK	Kebenaran Derma Khairat
SOP	Standard Operating Procedure

### 4.0 OBJEKTIF

Tujuan penyediaan garis panduan ini adalah bagi tujuan berikut:-

- 4.1 Mengawal aktiviti pungutan derma khairat agar dilaksanakan dengan telus, berintegriti dan mematuhi Hukum Syarak;
- 4.2 Mengelakkan sebarang bentuk penipuan atau penyalahgunaan dana oleh pihak tidak bertanggungjawab;
- 4.3 Memastikan setiap kutipan digunakan untuk tujuan yang diluluskan; dan
- 4.4 Memberi keyakinan kepada masyarakat untuk menyumbang dalam aktiviti kebajikan yang sah dan selamat.

### 5.0 PUNCA KUASA

- 5.1 Seksyen 95 (1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri (Perak) 2004 menyatakan, Majlis boleh memungut atau, dengan surat kebenaran yang dikeluarkan oleh Majlis, membenarkan mana-mana orang atau kumpulan orang, dengan apa-apa terma yang difikirkan patut oleh Majlis, memungut wang atau sumbangan-sumbangan lain bagi apa-apa maksud khairat bagi menyokong dan memajukan agama Islam atau bagi manfaat orang-orang Islam mengikut Hukum Syarak.
- 5.2 Persidangan MAJLIS Kali Ke 231 (Bil.1/2025) pada 27 Februari 2025 telah bersetuju dan meluluskan penurunan kuasa kepada Yang Dipertua MAJLIS untuk mempertimbang dan meluluskan permohonan pungutan khairat dalam negeri Perak.

## **6.0 TUJUAN PERMOHONAN DERMA KHAIRAT**

Permohonan derma khairat khusus untuk tujuan yang melibatkan pembangunan yang berasaskan keagamaan di negeri Perak seperti perkara berikut-

- 6.1 **Pembinaan Baharu**  
Pembinaan baharu bagi mendirikan masjid, surau, madrasah, maahad, sekolah atau bangunan pejabat / pusat aktiviti pertubuhan. Termasuk juga binaan tambahan pada bangunan sedia ada.
- 6.2 **Pembinaan Semula**  
Pembinaan baharu bagi mendirikan masjid, surau, madrasah, maahad, sekolah atau bangunan pejabat / pusat aktiviti bagi pertubuhan di atas tapak bangunan sedia ada.
- 6.3 **Pembaikan**  
Kerja-kerja baikpulih ke atas bangunan sedia ada.
- 6.4 **Penyelenggaraan**  
Menyelenggara bangunan masjid, surau, madrasah, maahad, sekolah atau bangunan pejabat / pusat aktiviti bagi pertubuhan.
- 6.5 MAIPk berhak mempertimbangkan mana-mana tujuan permohonan derma khairat selain yang disenaraikan. Namun tertakluk kepada syarat dan terma selaras dengan kepentingan serta dasar MAIPk.

## **7.0 TATACARA DAN SYARAT-SYARAT PERMOHONAN**

- 7.1 Setiap permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Kebenaran Pungutan Derma Khairat MAIPk.
- 7.2 Permohonan hendaklah memenuhi syarat-syarat seperti berikut –
  - a) Setiap permohonan hendaklah dibuat oleh Agensi / Institusi / Pertubuhan yang berdaftar dengan pihak berkuasa atau wakil yang sah;
  - b) Pemohon hendaklah warganegara Malaysia; dan
  - c) Permohonan adalah bertujuan untuk menyokong dan memajukan agama Islam atau bagi manfaat orang-orang Islam mengikut Hukum Syarak merangkumi pembangunan infrastruktur.
- 7.3 Bagi permohonan selain daripada syarat di para 7.2 (c), kelulusan permohonan adalah berdasarkan kepada pertimbangan kertas mesyuarat yang dikemukakan.
- 7.4 Pemohon hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen berikut –
  - a) Kertas kerja tujuan pembinaan atau pembiayaan;

- b) Minit Mesyuarat Jawatankuasa berkaitan permohonan yang telah disahkan;
- c) Salinan Geran Tanah / Salinan Warta ;
- d) Surat Kebenaran daripada MAIPk (jika melibatkan tanah wakaf) ;
- e) Dokumen sokongan daripada agensi berkaitan seperti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Pejabat Tanah dan Galian (PTG), Jabatan Pendidikan Negeri atau mana-mana badan yang berautoriti ;
- f) Surat Kebenaran Meroboh / Membina Masjid / Surau daripada Jabatan Agama Islam Perak (jika berkaitan) ;
- g) Salinan perakuan pendaftaran daripada Pendaftar Pertubuhan (bagi sekolah agama rakyat atau pertubuhan berasaskan Islam);
- h) Salinan Kebenaran Kutipan Derma (bagi pungutan dari negeri lain);
- i) Salinan dan penyata akaun bank (Akaun Semasa);
- j) Laporan kewangan terkini agensi / pertubuhan; dan
- k) Perakuan sumpah bebas jenayah dan bukan bankrap.

7.5 Permohonan Lanjutan Kebenaran Pungutan Derma Khairat hendaklah disertakan bersama dokumen-dokumen seperti berikut -

- a) Surat Permohonan Lanjutan;
- b) Salinan Penyata Bank Bagi Bulan Terakhir;
- c) Laporan Kewangan Jumlah Pungutan Terkini; dan/atau
- d) Laporan Kemajuan Kerja Pembangunan Infrastruktur (jika berkaitan).

## 8.0 TEMPOH PUNGUTAN DERMA

Tempoh pungutan derma khairat boleh diberikan sehingga maksima 24 bulan, berdasarkan kepada perkara berikut –

- a) Tujuan pungutan derma khairat; dan/atau
- b) Jumlah pungutan yang diperlukan.

## 9.0 SIASATAN DAN PERTIMBANGAN

- 9.1 Setiap permohonan lengkap yang diterima oleh MAIPk hendaklah melalui proses semakan dokumentasi, siasatan di lapangan dan semakan rekod di pihak Polis (jika berkaitan) oleh pentadbiran MAIPk.
- 9.2 Laporan siasatan hendaklah disediakan oleh bagi memastikan tujuan permohonan memenuhi syarat.
- 9.3 Laporan siasatan yang telah disediakan dan diperakui oleh Pengurus Cawangan atau Pengurus Besar Zon MAIPk hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Baitulmal (BBM) untuk penyediaan Minit Bebas merangkumi cadangan dan ulasan, untuk disokong oleh Ketua Pegawai Operasi (KPO) dan disahkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) MAIPk bagi tujuan pertimbangan serta kelulusan oleh Yang Dipertua (YDP) MAIPk.

- 9.3 MAIPk berhak menolak atau tidak meluluskan permohonan derma khairat yang didapati mempunyai unsur keraguan, penyelewengan, atau bercanggah dengan hukum syariat Islam.

## 10.0 PROSEDUR KELULUSAN

- 10.1 Pemohon perlu menyempurnakan bayaran fi permohonan serta surat setuju terima.
- 10.2 Setelah bayaran fi dibuat, pemohon akan menerima dokumen-dokumen daripada pihak MAIPk seperti berikut:
- a) Surat kebenaran;
  - b) Permit pungutan; dan
  - c) Buku Kupon
- 10.3 Tidak dibenarkan membuat sebarang pungutan derma khairat sebelum kebenaran bertulis dikeluarkan.
- 10.4 Hanya nama pemungut yang tercatat dalam surat kebenaran sahaja dibenarkan untuk membuat pungutan derma khairat berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan dalam surat kebenaran.
- 10.5 Pemohon hendaklah menyimpan rekod kewangan pungutan derma khairat dan rekod perbelanjaan dengan betul dan selamat.
- 10.6 Pemohon hendaklah melaporkan jumlah pungutan setiap 6 bulan kepada MAIPk dan mengemukakan penyata jumlah pungutan yang terkumpul secara bertulis setelah tempoh kebenaran kutipan tamat.
- 10.7 MAIPk berhak pada bila-bila masa untuk meminta rekod kewangan, keratan resit atau apa-apa yang berkaitan bagi tujuan pemeriksaan dan pengauditan.
- 10.8 Pemohon hendaklah menyediakan laporan bertulis kepada MAIPk apabila telah tamat tempoh kebenaran, mencapai jumlah yang dibenarkan, atau pada bila-bila masa yang difikirkan perlu oleh MAIPk, dengan menyediakan dokumen berikut –
- a) Buku resit yang sedang atau belum digunakan;
  - b) Penyata akaun bank;
  - c) Resit-resit bank; dan
  - d) Dokumen-dokumen lain yang diperlukan.
- 10.9 Pemohon hendaklah mengurus dan menggunakan pungutan yang dipungut serta mematuhi apa-apa syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam surat kebenaran yang dikeluarkan.
- 10.10 Permohonan bagi lanjutan tempoh kebenaran pungutan hendaklah dikemukakan melalui surat permohonan kepada MAIPk dan disertakan bersama dokumen

seperti di para 7.5 di atas, **SEBULAN** sebelum kebenaran sedia ada tamat tempoh.

10.11 Kebenaran pungutan yang dikeluarkan adalah tertakluk kepada undang-undang atau peraturan pihak berkuasa yang berkenaan dari semasa ke semasa.

## **11.0 SYARAT-SYARAT PUNGUTAN**

Syarat-syarat pungutan derma khairat adalah seperti berikut –

- a) Tidak dibenarkan membuat pungutan derma khairat dari rumah ke rumah;
- b) Hendaklah dilakukan secara sukarela tanpa unsur paksaan atau ugutan;
- c) Tidak dibenarkan meninggalkan tabung di masjid, surau, pejabat kerajaan dan swasta, restoran atau tempat awam;
- d) Pemungut hendaklah sentiasa mempamerkan permit pungutan derma khairat yang asal dan membawa salinan surat kelulusan MAIPk yang sah dan tidak dibenarkan diwakilkan;
- e) Tiada sebarang pungutan dibenarkan untuk dijalankan di mana-mana bangunan/kawasan kecuali dengan kebenaran daripada pemilik premis.
- f) kebenaran hanya terpakai di negeri Perak sahaja; dan
- g) Resit yang digunakan hanya cetakan yang dikeluarkan oleh MAIPk sahaja.
- h) Tiada pihak atau wakil boleh mengambil upah atau menuntut sebarang bahagian daripada hasil kutipan derma sebagaimana ditetapkan melalui keputusan Fatwa Negeri Perak.

## **12.0 KATEGORI WANG PUNGUTAN YANG DIAKAUNKAN KEPADA MAIPk**

12.1 Semua hasil pungutan seperti berikut hendaklah diakaunkan kepada MAIPk –

- a) wang pungutan tanpa kebenaran;
- b) wang pungutan yang tidak mengikut tujuan kutipan;
- c) wang pungutan bagi projek/program yang dibatalkan kebenaran;
- d) wang pungutan yang melebihi sasaran; dan
- e) wang pungutan bagi projek/program yang terbengkalai;

12.2 Bagi kategori kutipan para 12.1 (e) di atas, pemohon boleh memohon untuk mendapatkan semula hasil pungutan yang diserahkan dalam tempoh tiga (3) tahun daripada tarikh hasil pungutan diserahkan, sekiranya projek/program pembinaan atau membaikpulih bangunan diteruskan dalam tempoh terdekat.

12.3 Sekiranya tiada tuntutan dikemukakan oleh pemohon dalam tempoh yang munasabah, maka hasil pungutan berkenaan hendaklah dimasukkan ke dalam akaun Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) sebagai hasil sumber am.

### 13.0 PENAMATAN DAN PEMBATALAN

- 13.1 MAIPk boleh membatalkan dan menarik semula kebenaran yang telah diberikan dengan serta merta sekiranya melanggar syarat-syarat yang ditetapkan.
- 13.2 Wang pungutan boleh dirampas sekiranya perlu, jika berlaku penyelewengan oleh pemungut ataupun individu yang bertanggungjawab terhadap dana pungutan derma khairat.
- 13.3 Individu yang telah disabitkan kesalahan akan disenaraihitamkan untuk membuat pungutan derma.
- 13.4 Organisasi yang terlibat akan dibekukan kebenaran untuk membuat pungutan derma sehingga MAIPk yakin dan pasti untuk memberi kebenaran semula.
- 13.5 Menyalahgunakan surat kebenaran untuk tujuan atau kegiatan yang menyalahi mana-mana undang-undang bertulis di Malaysia.
- 13.6 Memberi maklumat palsu dalam permohonan.
- 13.7 Mengubah atau meminda butir-butir yang terdapat dalam surat kebenaran.

### 14.0 CAJ BAYARAN KEPADA

Setiap permohonan yang diluluskan akan dikenakan caj bayaran seperti berikut :-

BIL	PERKARA	KATEGORI	JUMLAH BAYARAN (RM)
1.	Permohonan	Dalam Perak	10.00
		Luar Perak	20.00
2.	Lain-Lain	Permit	10.00/orang
		Kupon	12.00/buku

*\*Permohonan bagi kategori baharu atau penyambungan adalah tertakluk kepada bayaran caj seperti yang dinyatakan dalam jadual di atas, bayaran tersebut hendaklah dijelaskan oleh pemohon.*

*\*Jumlah bayaran yang dinyatakan boleh dipinda, tertakluk kepada keadaan dari semasa ke semasa yang ditetapkan oleh pihak MAIPk.*

## 20.0 KESALAHAN

- 20.1 Tiada seorang pun boleh menjalankan pungutan derma khairat di Negeri Perak, melainkan telah mendapat Surat Kebenaran daripada MAIPk di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004.
- 20.2 Subseksyen 95 (4) Enakmen yang sama menyatakan tiada seorang pun boleh membuat atau mengambil bahagian dalam apa pemungutan wang bagi apa-apa maksud yang disebut dalam subseksyen (1) kecuali dengan kebenaran nyata daripada Majlis atau menurut surat kebenaran di bawah subseksyen (1).
- 20.3 Subseksyen 95 (5) Enakmen ini juga menjelaskan mana-mana orang yang melanggar subseksyen (4) melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

## 21.0 PENUTUP

Garis Panduan Pengurusan Pungutan Derma Khairat ini akan menjadi panduan kepada MAIPk serta pihak yang dipertanggungjawabkan dan hendaklah dibaca bersama Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004, Arahan Perbendaharaan, Pekeliling / Surat Pekeliling dan peraturan-peraturan lain serta undang-undang yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa bagi mencapai objektif pengurusan pungutan derma khairat yang teratur dan berkesan.

## 22.0 TARIKH KUATKUASA

Garis panduan ini hendaklah berkuatkuasa bermula selepas ia dikeluarkan.

***“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”***

***“MEMPERTEGUH SYARIAT, MELESTARI ‘ADAT”***

Saya yang menjalankan amanah,



**(SYAMSUL HAZEMAN BIN MD SALLEH, PMP., AMP.)**

Ketua Pegawai Eksekutif

Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak

Tarikh : 11 November 2025

**CARTA ALIR PENGURUSAN PUNGUTAN DERMA KHAIRAT**

Carta Alir	Prosedur	Tempoh Penyimpanan Dokumen	Tanggungjawab	
			Pelaksana	Semakan / Kelulusan
<div style="border: 1px solid black; padding: 5px; width: fit-content; margin-bottom: 10px;">1.0 Permohonan diterima</div> <div style="text-align: center;">↓</div>	1.0 Terimaan Permohonan Derma Khairat Borang Pungutan	5 Tahun	PT	-
<div style="border: 1px solid black; padding: 5px; width: fit-content; margin-bottom: 10px;">2.0 Semakan dokumentasi</div> <div style="text-align: center;">↓</div>	2.0 Semakan terhadap dokumentasi dan lampiran permohonan. <ul style="list-style-type: none"> <li>• Surat Rasmi Permohonan;</li> <li>• Minit Mesyuarat;</li> <li>• Kertas Kerja;</li> <li>• Penyata Kewangan;</li> <li>• Salinan Kad Pengenalan Pemungut;</li> <li>• Gambar Pasport Pemungut;</li> <li>• Surat Kebenaran daripada Agensi Berkuasa yang berkaitan dengan permohonan;</li> </ul>		PT	PB/PB ZON/P
<div style="border: 1px solid black; padding: 5px; width: fit-content; margin-bottom: 10px;">3.0 Siasatan dan Laporan</div> <div style="text-align: center;">↓</div>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sijil Pendaftaran Pertubuhan (ROS);</li> <li>• Warta Kerajaan/Hakmilik dan Pelan Akui</li> </ul>		PT	PB/PB ZON/P
<div style="border: 1px solid black; padding: 5px; width: fit-content; margin-bottom: 10px;">4.0 Ulasan Pegawai</div> <div style="text-align: center;">↓</div>	3.0 Penyediaan laporan dan siasatan lapangan oleh MAIPk Cawangan		PT	PB/P
<div style="border: 1px solid black; padding: 5px; width: fit-content; margin-bottom: 10px;">5.0 Semakan Rekod Jenayah</div> <div style="text-align: center;">↓</div>	4.0 Pegawai membuat pertimbangan dan ulasan permohonan oleh MAIPk Cawangan.		PT	PB/P
<div style="border: 1px solid black; padding: 5px; width: fit-content; margin-bottom: 10px;">6.0 Ringkasan pelaporan</div> <div style="text-align: center;">↓</div>	5.0 Semakan bagi pengesahan rekod jenayah oleh Bahagian Baitulmal melalui PDRM.			
<div style="border: 1px solid black; border-radius: 50%; width: 40px; height: 40px; display: flex; align-items: center; justify-content: center; margin: 0 auto;"> <span style="font-size: 24px; font-weight: bold;">A1</span> </div>	6.0 Penyediaan ringkasan pelaporan bagi permohonan (Baharu/ Penyambungan): <ul style="list-style-type: none"> <li>-Disokong</li> <li>-Tidak Disokong</li> </ul>			

<pre> graph TD     A1((A1)) --&gt; B1[7.0 Minit Bebas]     B1 --&gt; B2[8.0 Surat Kebenaran]     B2 --&gt; B3[9.0 Permit Pungutan Derma Khairat]     B3 --&gt; B4[10. Makluman kepada pemohon]     B4 --&gt; B5[11. Bayaran FI dan Perakuan SST]     B5 --&gt; B6[12. Pemakluman Agensi]     B6 --&gt; B7[13. Pemantauan]     B7 --&gt; T((TAMAT)) </pre>	<p>7.0 Penyediaan Minit Bebas yang disahkan oleh KPE dan diperakukan oleh YDP MAIPk: -Lulus -Gagal</p> <p>8.0 Penyediaan Surat Kebenaran bagi kelulusan pungutan derma khairat.</p> <p>9.0 Penyediaan Permit pungutan derma khairat yang diperakukan oleh KPE.</p> <p>10.0 Pemakluman dan pengeluaran Surat Kebenaran dan Permit Pungutan.</p> <p>11.0 Pemohon perlu menjelaskan bayaran FI dan perakuan SST sebelum Surat Kebenaran, Permit Pungutan dan Kupon diserahkan.</p> <p>12.0 Pemakluman dan salinan surat kebenaran diserahkan kepada agensi berkuasa Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk), hebahan senarai pemungut turut dilaksanakan melalui portal rasmi MAIPk.</p> <p>13.0 Pemantauan dan pemeriksaan hendaklah dilaksanakan oleh MAIPk Cawangan.</p>	<p>5 Tahun</p>	<p>PT</p> <p>PT</p> <p>PT</p> <p>PT</p> <p>PT</p> <p>PT</p> <p>PT</p>	<p>PB/P</p> <p>PB/P</p> <p>PB/P</p> <p>PB/P</p> <p>PB/P</p> <p>PB/P</p> <p>PB/PB ZON/P</p>
---	---	----------------	---	--